



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

26 JUN 2021 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

26 JUN 2021 (SABTU)

KPDNHEP serbu pemborong seleleweng subsidi minyak masak

KUALA LUMPUR — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berjaya membongkar dan melumpuhkan kegiatan penyelewengan bekalan minyak masak melibatkan nilai subsidi hampir RM1 juta di sebuah premis di Bandar Tun Razak di sini kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kuala Lumpur, Nurul Syarina Md. Anuar berkata, pembongkaran tersebut dibuat setelah pihaknya menyerbu sebuah premis pemborong kira-kira pukul 12 tengah hari semalam susulan maklumat dan risikan yang dilakukan.

"Pihak KPDNHEP telah ber-

jumpa pemilik premis berusia 40-an serta menyita beberapa dokumen bagi siasatan lanjut dan pemeriksaan yang dilakukan mendapati syarikat tersebut ada lesen borong minyak masak dan telah beroperasi sejak Mac lalu dengan sumber bekalan daripada pekilang dan pembungkus di ibu negara, Selangor, Perak, Kedah serta Pahang.

"Bagaimanapun, syarikat ini disyaki telah membekalkan minyak masak kepada sebuah syarikat lain yang tidak berlesen di Johor Bahru, Johor," katanya pada satu sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Nurul Syarina, semakan yang dilakukan mendapati

jumlah bekalan minyak masak yang dibekalkan kepada syarikat tidak berlesen itu bermula April lalu dianggarkan sebanyak 1.6 juta kilogram melibatkan nilai subsidi kira-kira RM960,000.

"Kesemua minyak masak bersubsidi itu pula kemudiannya akan dipasarkan oleh syarikat tidak berlesen berkenaan ke luar negara.

"Siasatan masih dijalankan di bawah Peraturan 9(2)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan syarikat atau individu diberi amaran keras agar tidak cuba menyeleweng serta melanggar undang-undang khususnya yang melibatkan barang kawalan," tegas beliau.



NURUL SYARINA menunjukkan dokumen yang dirampas dalam serbuan ke atas sebuah premis pemborong minyak masak di Bandar Tun Razak semalam.

Minyak masak subsidi, dua beradik didakwa

KUALA LUMPUR: Dua beradik pemilik syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam masing-masing atas 52 pertuduhan berhubung tuntutan palsu pembekalan minyak masak subsidi kepada peruncit bernilai lebih RM1.57 juta, dua tahun lalu.

Datuk Mohd. Farid Mohamad Ali, 42, dan adiknya, Mohd. Fadhil, 38, membuat pengakuan tersebut selepas kesemua pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Izralizam Sanusi.

Kesemua 52 kesalahan itu didakwa dilakukan Mohd. Farid di pejabat bahagian Subsidi dan Bekalan, Cawangan Analisa Perakaunan Industri, Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, KPDNHEP, Putrajaya, antara Januari 2019 hingga Mac 2020.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta SPRM dan membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Mohd. Fadhil pula didakwa atas 52 pertuduhan bersubahat dengan abangnya untuk melakukan kesalahan sama, di tempat dan tarikh sama, mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dibaca bersama Seksyen 28(1)(c) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butiran palsu, atau RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi.

HARI : SABTU
TARIKH : 26/06/2021
M/SURAT : 1



52 PERTUDUHAN

Dua didakwa buat tuntutan palsu RM1.57j bekal minyak masak

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dua beradik mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam masing-masing atas 52 pertuduhan berhubung tuntutan palsu pembekalan minyak masak kepada syarikat peruncit bernilai lebih RM1.57 juta, dua tahun lalu.

Tertuduh iaitu pemilik syarikat pembungkusan minyak masak subsidi, Datuk Mohd Farid Mohamad Ali, 42, dan adik lelakinya, Mohd Fadhil, 38, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Izralizam Sanusi.

Mengikut semua pertuduhan, Mohd Farid didakwa memberikan dokumen iaitu Penyata Tuntutan Bayaran Bantuan Kewangan Ke-pada Kilang Penapis/Pembungkus Minyak Masak Sawit Tulen yang mengandungi butiran matan palsu bagi tempoh Januari 2019 hingga Mac 2020 kepada tiga kakitangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Ia maklumat penjualan minyak masak kepada syarikat peruncit yang mana tertuduh tahu penjualan minyak masak itu sebenarnya tidak dibuat membabitkan jumlah RM1.57 juta.



MOHD Fadhil (kiri) dan Mohd Farid dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan membuat tuntutan palsu pembekalan minyak masak.

Kesalahan itu dilakukan di pejabat bahagian Subsidi dan Bekalan Cawangan Analisa Perakaunan Industri, Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, KPDNHEP Putrajaya, antara Januari 2019 hingga Mac 2020.

Berikutnya itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dibaca bersama Seksyen 34, Kanun Keseksaaan (Akta 574) yang memperuntukkan hukuman mengikut Seksyen 24, Akta SPM.

Jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi.

Dalam prosiding sama, Mohd Farid juga mengaku tidak bersalah bagi 52 per-

tuduhan pilihan iaitu memalsukan invois dan dokument penghantaran yang terkandung dalam Penyata Tuntutan Bayaran Kewangan kepada kilang sama dengan niat digunakan untuk tujuan menipu.

Kesalahan itu dilakukan pada tarikh dan lokasi sama.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 468, Kanun Keseksaaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda jika disabitkan kesalahan.

Selain itu, Mohd Farid didakwa atas satu lagi pertuduhan menerima wang RM192,433 daripada akaun Hong Leong Bank milik KPDNHEP iaitu hasil aktiviti haram ke akaun Bank Islam milik Syarikat Temasek Growth Sdn Bhd yang juga pengawal akaun syarikat berkenaan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Bank Islam Malaysia Berhad Cawangan Menara Bank Islam Kuala Lumpur antara 19 Mac hingga 19 Oktober 2019.

Tertuduh didakwa mengikut Subseksyen 4(1)(b), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFPUAA) 2001 dan dibaca bersama Subseksyen 87(1)(a) yang boleh dihukum mengikut Subseksyen 4(1), akta sama.

Sementara itu, Mohd Fadhil pula didakwa atas 52 pertuduhan bersabahat dengan Mohd Farid bagi melakukan kesalahan sama di lokasi dan tarikh sama.

Mahkamah membenarkan Mohd Farid diikat jamin RM150,000 manakala adiknya dibenarkan ikat jamin RM100,000 selain menetapkan sebutan semula pada 1 September depan.

HARI : SABTU
TARIKH : 26/06/2021
M/SURAT : 14

Senarai Harga Barang Koperkuian		
Ayam	RM5.99	Telur Gred A RM11.70
Daging Lembu Tempatan	RM34	Ikan Kembung RM8.90
Daging Lembu Import	RM29.90	Minyak Masak RM6.35
Cili Merah	RM8.95	Gula Pasir RM2.85
Kubis Tempatan	RM3.49	Bawang Besar Holland RM2.80
Tepung Gandum	RM2.20	Bawang Putih RM5.50

*Harga (RM/kg) Sumber: KDNHEP